

Rujukan kami: UMP.03.08/100-1/3/2 (5)  
Tarikh: 14 April 2023

Semua Dekan/ Ketua Jabatan  
Universiti Malaysia Pahang

Assalamualaikum wrt.wbt.  
YH Prof. Dato'/ Prof./ Prof Madya/ Dr./ Tuan/ Puan,

**EDARAN PEKELILING BENDAHARI BIL.5 TAHUN 2023**  
**ARAHAN PERBENDAHARAAN PINDAAN 2023**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Bersama ini dilampirkan Pekeliling Bendahari Bil.5 Tahun 2023 berkenaan Arahan Perbendaharaan Pindaan 2023 untuk makluman dan tindakan YH Prof. Dato'/ Prof/ Prof Madya/ Dr./ Tuan/ Puan, selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
*"Teknologi Untuk Masyarakat"*

Saya yang menjalankan amanah,



**(ZAINUDIN BIN OTHMAN)**  
Bendahari/ Ketua Pegawai Kewangan (CFO)  
Universiti Malaysia Pahang

- s.k
- Naib Canselor
  - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
  - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
  - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
  - Pendaftar/Ketua Pegawai Operasi
  - Ketua Pustakawan
  - Penasihat Undang-Undang

ZO/NFMS/Surat/Pekeliling/ Surat Pekeliling Bendahari Universiti/ Folder Dasar & Pematuhan



## **PEKELILING BENDAHARI BIL. 5 TAHUN 2023**

Semua Dekan/Ketua Jabatan  
Universiti Malaysia Pahang

Assalamualaikum wrt. wbt.

YH Prof. Dato / Prof. / Prof Madya/ Dr./ Tuan/ Puan,

### **ARAHAN PERBENDAHARAAN (PINDAAN 2023)**

#### **1.0 TUJUAN**

Pekeliling Bendahari ini bertujuan untuk memaklumkan Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2023) yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Malaysia bagi menggantikan Arahan Perbendaharaan bertarikh 31 Julai 2008.

#### **2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Perbendaharaan Malaysia telah membuat semakan semula Arahan Perbendaharaan secara kolektif melalui penglibatan pelbagai pihak berkepentingan bagi memastikan tata kelola dan pelaksanaan pengurusan kewangan Kerajaan adalah teratur dan lancar seiring dengan keperluan dasar pendigitalan sektor awam, penetapan akauntabiliti pegawai awam yang jelas dan perkembangan semasa sistem perakaunan;
- 2.2 Arahan Perbendaharaan merupakan peraturan utama berkaitan tata kelola pengurusan kewangan Kerajaan meliputi pelbagai aspek pengurusan belanjawan, hasil, perbelanjaan, perolehan, aset awam dan perakaunan sektor awam.

### **3.0 ARAHAN PERBENDAHARAAN (PINDAAN 2023)**

3.1 Pindaan dan penambahbaikan Arahan Perbendaharaan yang dibuat adalah bertujuan untuk:

- (i) memperkemaskan dan memantapkan peraturan sedia ada selaras dengan keperluan dan perkembangan persekitaran semasa agar pengurusan kewangan Kerajaan sentiasa berada di tahap cemerlang;
- (ii) menjajarkan pengurusan kewangan dengan dasar digitalan sektor awam;
- (iii) memperkasakan kebertanggungjawaban pegawai awam di setiap peringkat; dan
- (iv) memastikan pengurusan perakaunan Kerajaan seiring dengan sistem perakaunan semasa.

3.2 Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2023) hendaklah menjadi rujukan utama dan panduan dalam menguruskan hal ehwal kewangan UMP secara cekap, telus dan berintegriti disertai dengan kebertanggungjawaban yang tinggi sebagai Pegawai Awam;

3.3 Arahan Perbendaharaan boleh dibaca melalui <https://www.mof.gov.my/portal/pdf/arahan-perbendaharaan/ap2023/>; dan

3.4 Arahan Perbendaharaan ini perlu dibaca bersama-sama dengan Pekeliling Perbendaharaan yang berkuat kuasa atau apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Malaysia dari semasa ke semasa.

#### **4.0 TARIKH KUAT KUASA**


Tarikh kuatkuasa Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2023) ini adalah pada tarikh ianya dikeluarkan dan Arahan Perbendaharaan yang dikeluarkan pada tahun 2008 adalah dibatalkan.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

*“Teknologi Untuk Masyarakat”*

Saya yang menjalankan amanah,



**(ZAINUDIN BIN OTHMAN)**

Bendahari/ Ketua Pegawai Kewangan (CFO)

Universiti Malaysia Pahang

Jumaat, 14 April 2023.

- s.k
- Naib Canselor
  - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
  - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
  - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
  - Pendaftar/Ketua Pegawai Operasi
  - Ketua Pustakawan
  - Penasihat Undang-Undang